



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.6(08)
Tarikh : 15 Julai 2026
Bersamaan : 29 Muharam 1448H

Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.67/2026/O : PINDAAN TARIKH SIMULASI *REGULAR CYCLE* (M1)
DAN *DAILY RATED CYCLE* (M3) TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Arahan Kerja Bil.02/2026/O bertarikh 02 Januari 2026 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa tatacara pembayaran gaji *Daily Rated Cycle* telah ditambahbaik dengan memperkenalkan proses simulasi larian gaji *Daily Rated*. Fungsi ini telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan ini mulai tindakan perubahan gaji bulan Mei 2026. Oleh itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)/ Pusat Pembayar (PC) yang terlibat dalam urusan pembayaran gaji *Daily Rated* hendaklah melaksanakan proses simulasi *Daily Rated* terlebih dahulu melalui tcode ZRPY106 dan ZRPY101.

3. Justeru itu, dengan pelaksanaan proses simulasi larian gaji *Daily Rated Cycle*, berlaku pindaan pada jadual proses simulasi *Regular Cycle* bagi tahun 2026 seperti di Lampiran A dan Lampiran B. PTJ/PC hanya dibenarkan melaksanakan satu (1) proses simulasi pada satu-satu masa.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(YONG KOK SIA FCCA,ACMA, CGMA,C.A.(M))
b.p.Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka